

masih lagi mema'afkan mereka¹⁷⁰ dan memberi rezeki kepada mereka.”¹⁷¹ (Bukhari-Muslim).¹⁷²

Kepentingan Tauhid

٢١- وَعَنْ مُعَاذٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ كُنْتُ رَدَفَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى حِمَارٍ لَيْسَ بَيْنِي وَبَيْنَهُ إِلَّا مُوْجَرَةٌ الرَّحْلُ فَقَالَ يَا مُعَاذُ هَلْ تَدْرِي مَا حَقُّ اللَّهِ عَلَى عِبَادِهِ وَمَا حَقُّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ قُلْتُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ فَإِنَّ حَقَّ اللَّهِ عَلَى الْعِبَادِ أَنْ يَعْبُدُوهُ وَلَا يُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَحَقُّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ أَنْ لَا يُعَذِّبَ مَنْ لَا يُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفَلَا أُبَشِّرُ بِهِ النَّاسَ قَالَ لَا تُبَشِّرُهُمْ فَيَتَكَلَّمُوا - متفق عليه.

hati kerana itu adalah satu kekurangan dan Allah itu Maha Suci daripada segala kekurangan? Lalu kenapa pula Rasulullah s.a.w. bersabda, “Tidak ada siapapun yang lebih sabar daripada Allah ketika mendengar ucapan yang amat menyakitkannya?” Jawapannya ialah, yang dimaksudkan dengan kata-kata yang menyakitkan di sini ialah kata-kata yang menyakitkan rasul-rasul dan hamba-hambaNya yang saleh. Menda'wa Allah s.w.t. mempunyai anak itu menyakitkan hati mereka kerana ia bererti meniadakan keyakinan dan menolak seruan mereka bahawa Allah s.w.t. itu tidak berteman dan tidak mempunyai anak. Lalu dikaitkan ‘menyakiti’ itu kepada Allah untuk menyatakan dahsyatnya keingkaran mereka dan menunjukkan betapa seriusnya kata-kata mereka itu.

¹⁷⁰ dengan menghindarkan perkara-perkara yang tidak elok, bala bencana dan malapetaka daripada mereka.

¹⁷¹ dengan mengurniakan kesejahteraan dan harta benda dan tidak bersegera menyiksa mereka. Allah s.w.t. lebih bersabar dalam menghadapi perbuatan menyakiti yang dilakukan terhadapNya berbanding manusia. Tetapi itu tidaklah bererti Dia menunda balasan terhadap mereka kerana terpaksa dan tidak mampu melaksanakannya bahkan kerana limpah kurniaNya semata-mata. Di dalam hadith ini terdapat isyarat bahawa bersabar menanggung gangguan manusia dan tidak mudah membalas dendam itu adalah satu sifat terpuji. Itulah sebabnya ganjaran bagi setiap amalan manusia ada hadnya tetapi tidak ada had bagi ganjaran sabar. Lihatlah sebagai buktinya firman Allah s.w.t. berikut ini:

قُلْ يَعْبادِ الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا رَبَّكُمْ لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَأَرْضُ اللَّهِ وَاسِعَةٌ إِنَّمَا يُوَفَّى الصَّابِرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ

حِسَابٍ

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): “Wahai hamba-hambaKu yang beriman! Bertaqwalah kepada Tuhanmu. (Ingatlah) Orang-orang yang berbuat baik di dunia ini akan beroleh kebaikan (yang sebenar di Akhirat). dan (ingatlah) bumi Allah ini Luas (untuk berhijrah sekiranya kamu ditindas). Sesungguhnya orang-orang yang bersabar sahaja yang akan disempurnakan (dikurniakan) pahala mereka dengan tidak terkira". (az-Zumar: 10).

¹⁷² Selain Bukhari dan Muslim hadiths ini juga turut diriwayatkan oleh Ahmad, al-Humaidi, An-Nasaa'i, al-Bazzaar, Ibnu Hibbaan dan lain-lain.

21- Mu'aaz bin Jabal¹⁷³ meriwayatkan, katanya: "Aku pernah membonceng Rasulullah s.a.w. menaiki seekor keledai.¹⁷⁴ Yang memisahkan daku dengan Baginda s.a.w.

¹⁷³ Nama dan salasilah nasab beliau sepenuhnya ialah Mu'aaz bin Jabal bin 'Amar bin Aus bin 'Aa'iz bin 'Adi al-Anshaari al-Khazraji. Kuntiah Mu'aaz ialah Abu 'Abdir Rahman al-Madani. Mu'aaz bin Jabal memeluk agama Islam ketika berumur lapan belas tahun. Beliau telah ikut serta dalam peperangan Badar dan peperangan-peperangan lain selepasnya. Di kalangan sahabat, Mu'aaz terbilang sebagai salah seorang yang berada di puncak keilmuan tentang hukum-haqam dan al-Qur'an. Berikut dikemukakan beberapa hadits Rasulullah s.a.w. tentang kelebihan Mu'aaz. (1) Tirmizi dan lain-lain tokoh hadits meriwayatkan daripada Abi Qilaabah daripada Anas secara marfu' tentang beberapa orang sahabat yang disebutkan keistimewaan oleh Rasulullah s.a.w. Antara mereka ialah Mu'aaz. Kata Rasulullah s.a.w.: *وَأَعْلَمُهُم بِالْحَلَالِ وَالْحَرَامِ مُعَاذُ بْنُ جَبَلٍ* Bermaksud: "Yang paling alim di antara mereka tentang halal dan haram Mu'aaz bin Jabal." (2) Rasulullah s.a.w. telah menyuruh orang ramai belajar al-Qur'an secara khusus dan mendalam dengan empat orang sahabat. Salah seorang daripada mereka ialah Mu'aaz. Sabda Baginda s.a.w.: *اسْتَفَرُّوا الْقُرْآنَ مِنْ أَرْبَعَةٍ مِنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ وَسَالِمٍ مَوْلَى أَبِي* Bermaksud: Pelajarilah al-Qur'an secara mendalam dengan empat orang iaitu 'Abdillah bin Mas'ud, Salim Maula Abi Huzaifah, Ubai bin Ka'ab dan Mu'aaz bin Jabal. (Bukhari, Muslim, Ahmad, Ibnu Hibbaan, Nasaa'i dan lain-lain). (3) Mu'aaz bin Jabal disebut Rasulullah s.a.w. sebagai yang keenam daripada tujuh orang sahabatnya yang terbaik. Sabda Rasulullah s.a.w.: *نِعْمَ الرَّجُلُ مُعَاذُ بْنُ جَبَلٍ* Bermaksud: "Mu'aaz bin Jabal adalah orang terbaik." Enam orang sahabat selain Mu'aaz yang disebut Rasulullah s.a.w. sebagai sahabat terbaik itu ialah Abu Bakar, 'Umar, Abu 'Ubaidah bin al-Jarrah, Usaid bin Hudhair, Tsabit bin Qais bin as-Syammaas dan Mu'aaz bin 'Amar bin al-Jamuh. (Lihat Sunan at-Tirmizi, Musnad Ahmad, Sunan Nasaa'i, Sahih Ibnu Hibbaan dan lain-lain). (4) Rasulullah s.a.w. pernah berkata kepada Mu'aaz: *يَا مُعَاذُ إِنِّي لَأُحِبُّكَ* Bermaksud: "Wahai Mu'aaz! Sesungguhnya aku benar-benar menyintaimu." (Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i, Ibnu Hibbaan, Thabaraani dan lain-lain). (5) Rasulullah s.a.w. juga pernah menghantar Mu'aaz ke Yaman sebagai gabenor, hakim dan guru. (Lihat Bukhari, Muslim, Tirmizi, Abu Daud, Nasaa'i, Ibnu Majah, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan dan lain-lain). Selain Rasulullah s.a.w. sendiri, para sahabat juga turut menyatakan kelebihan Mu'aaz. Berikut dikemukakan beberapa atsar para sahabat tentang kelebihan beliau. (1) Sahal bin Abi Hattmah berkata: "Di zaman Rasulullah s.a.w. ada enam orang sahabat yang berfatwa. Tiga orang dari kalangan Muhajirin. Mereka ialah 'Umar, 'Utsman, 'Ali. Tiga orang lagi dari kalangan Anshaar. Mereka ialah Ubai bin Ka'ab, Mu'aaz dan Zaid (bin Tsabit) r.a." (Lihat Siyar A'laami an-Nubalaa'). (2) Saiyyidina 'Umar berkata: *وَمَنْ أَرَادَ أَنْ يَسْأَلَ عَنِ الْفِقْهِ فَلْيَأْتِ* Bermaksud: ... Sesiapa yang hendak bertanya tentang fiqh pergilah bertemu dengan Mu'aaz bin Jabal... (Lihat Mustadrak Haakim, Mushannaf Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain). (3) Pernah Ibnu Mas'ud berkata: *إِنَّ مُعَاذًا كَانَ أُمَّةً قَانِتًا لِلَّهِ حَنِيفًا* Bermaksud: Sesungguhnya Mu'aaz merupakan "satu umat" (walaupun ia seorang diri) yang patuh kepada Allah dan Rasulnya, selain seorang yang selalu berpegang kepada kebenaran dan tidak pernah meninggalkannya. Tiba-tiba ada orang menegur beliau dengan membaca ayat al-Qur'an ini:

إِنَّ إِبْرَاهِيمَ كَانَ أُمَّةً قَانِتًا لِلَّهِ حَنِيفًا وَلَمْ يَكُ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Bermaksud: "Sesungguhnya (Nabi) Ibrahim merupakan "satu umat" (walaupun ia seorang diri) yang patuh kepada Allah dan Rasulnya, selain seorang yang selalu berpegang kepada kebenaran dan tidak pernah meninggalkannya; dan tidak pernah dia termasuk orang-orang yang mempersekutukan (Tuhan)." (an-Nahl:120). Tujuannya ialah mengingatkan 'Abdullah

hanyalah penyandar pelana unta.¹⁷⁵ Baginda bertanya: “Wahai Mu’aaz, tahukah engkau apakah haq Allah¹⁷⁶ atas hamba dan haq hamba¹⁷⁷ atas Allah?” Aku menjawab:

bahawa apa yang disebutkan itu adalah sifat Nabi Ibrahim seperti terkandung di dalam ayat 120 Surah an-Nahl ini. Maka kata ‘Abdullah: “Erti ummat ialah orang yang mengajarkan kebaikan dan orang yang diikuti (imam). Erti ‘Qaanit’ pula ialah orang yang ta’at kepada Allah dan RasulNya. (Lihat Tahzibu al-Asmaa’ wa al-Lughaat). Imam Abu Nu’aim memperkenalkan Saiyyidina Mu’aaz dengan berkata: “Beliau ialah imam para fuqaha’, gedung (ilmu) para ‘ulama’, telah ikut serta dalam perjanjian ‘Aqabah (kedua) dan peperangan Badar serta peperangan-peperangan lain bersama Rasulullah s.a.w. Mu’aaz bin Jabal adalah antara pemuda Anshaar yang paling utama, baik daripada segi kepenyantunan, sifat malu atau sifat pemurahnya. Beliau adalah seorang yang cantik dan kacak.” (Lihat Hilyatu al-Auliyyaa’ dan Ma’rifatu as-Sahabah Oleh Abu Nu’aim dan al-Ishaabah oleh Hafiz Ibnu Hajar). Ramai sekali sahabat dan Tabi’in meriwayatkan hadits daripada Mu’aaz bin Jabal. Beliau telah meriwayatkan sebanyak seratus lima puluh tujuh (157) hadits. Dua daripadanya diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim di dalam Sahih masing-masing. Bukhari bersendirian (tanpa Muslim) dalam meriwayatkan tiga daripadanya. Muslim pula bersendirian (tanpa Bukhari) dalam meriwayatkan satu hadits. Mu’aaz bin Jabal telah meninggal dunia akibat diserang taun ‘Amwaas yang merebak di Syam pada tahun 18H ketika masih terlalu muda, 34 tahun.

¹⁷⁴ Keledai yang dinaiki Rasulullah s.a.w. dengan Anas ini berdasarkan riwayat Bukhari dan Muslim yang lain bernama ‘Ufair. Menurut ad-Dimyathi ia dihadiahkan kepada Baginda s.a.w. oleh penguasa Iskandariah (Mesir) yang bergelar al-Muqaqis.

¹⁷⁵ Sesetengah ‘ulama’ menimbulkan kemusykilan di sini. Kata mereka, apa ertinya dikatakan ‘penyandar pelana unta’, kalau kenderaan yang dinaiki bukan unta tetapi keledai. Perkataan الرحل lebih lumrah digunakan untuk pelana unta. Adapun pelana kuda atau himar, ia dinamakan السرج. Takkanlah pelana unta juga digunakan di atas belakang keledai?! Ada dua jawapan daripada para ‘ulama’ untuk menghilangkan kemusykilan yang ditimbulkan itu. (1) Perkataan الرحل di sini tidak dipakai dalam ma’na lumrahnya. Ia bahkan dipakai dengan erti pelapik duduk semata-mata. Jadi erti مؤخرة الرحل ialah bahagian belakang pelapik duduk. Termasuk juga dalam erti umum itu pelana untuk keledai atau kuda. (2) Sebenarnya terdapat satu perkataan mudhaf yang dibuang sebelum perkataan مؤخرة. Taqdir bagi perkataan mudhaf yang dibuang itu ialah قدر. Dengan mengambil kira perkataan قدر yang dibuang itu, terjemahan bagi rangkai kata مؤخرة الرحل (قَدْرُ) إِلَّا (قَدْرُ) ialah “kecuali (kadar) bahagian belakang (penyandar) pelana unta”. Tidak semestinya ada pun pelana unta di atas belakang keledai yang ditunggangi itu. Jawapan kedua ini merupakan pilihan an-Nawawi dan lain-lain tokoh hadits. Tujuan Mu’aaz berkata begini ialah untuk menyatakan tiga perkara berikut: (1) Perihal dekat dan rapatnya beliau dengan Rasulullah s.a.w. di atas unta itu. (2) Oleh kerana beliau berada begitu dekat dengan Rasulullah s.a.w., beliau telah mendengar dengan baik apa yang disabdakan Baginda dan tidak ada sebarang kekeliruan dalam pendengaran beliau. (3) Meyakinkan pendengar dan penerima hadits berkenaan daripada beliau. (4) Rasulullah s.a.w. adalah seorang yang suka merendah diri. Langsung tidak ada pada Baginda sifat sombong dan membesar diri. (5) Betapa mesranya Rasulullah s.a.w. dengan para sahabat. Kemesraan Baginda s.a.w. tidak hanya dengan orang-orang sebaya, malah meliputi semua lapisan masyarakat.

¹⁷⁶ Antara ma’na haq menurut bahasa ‘Arab ialah: (1) Kebenaran (lawan kebatilan). (2) Benar; yang benar (3) Sesuatu yang terbukti benar. (4) Haq (5) Milik. (6) Bahagian; habuan. (7) Layak; patut; sesuai. (8) Nama Allah Tuhan yang benar. (9) Sesuatu Yang wajib dan mesti

“Allah dan RasulNya lah yang lebih mengetahui.” Rasulullah s.a.w. bersabda: “Haq Allah atas hamba ialah mereka mengabdikan diri kepadaNya ¹⁷⁸ tanpa menyekutukanNya dengan sesuatu.¹⁷⁹ Haq hamba atas Allah s.w.t. pula ialah Dia tidak akan menyeksa (di hari akhirat nanti) orang yang tidak menyekutukanNya dengan

ditunai dan dilakukan. Haq Allah atas hamba-hambaNya ialah apa-apa yang mesti dipercayai dan ditunaikan oleh seseorang hamba terhadap Allah.

¹⁷⁷ Para ‘ulama’ berbeda pendapat tentang haq hamba atas Allah (حَقُّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ): (1) Haq hamba atas Allah ialah apa-apa yang layak dan patut diterima seseorang hamba daripada Allah. Inilah pendapat kebanyakan ‘ulama’. (2) Al-Qurthubi berpendapat, haq hamba atas Allah ialah apa yang berhaq diperolehi hamba daripada Allah berupa pahala, ganjaran, keampunan dan sebagainya berdasarkan janji yang dibuat oleh Allah sendiri. (3) Walaupun pada asalnya tidak ada apa yang mesti ke atas Allah dan tidak ada apa yang wajib dilakukan oleh Allah, tetapi Allah sendiri dengan limpah kurniaNya telah mewajibkan ke atas diriNya untuk tidak menyeksa (di hari akhirat nanti) orang yang tidak menyekutukanNya dengan apa-apa. Kewajipan seperti ini dipanggil *حسبي*. (4) Perkataan haq di sini dipakai semata-mata sebagai *مقابلة ومشاكلة*, supaya sesuai daripada segi tulisan dan sebutan dengan perkataan *حق* yang telah tersebut sebelumnya. Meskipun ma’na dan erti kedua-duanya jauh berbeza. Di dalam bahasa Arab, penggunaan seperti ini dapat anda temui dengan banyak sekali. (5) Jaminan yang diberikan oleh Allah atas sesuatu perbuatan atau amalan yang dilakukan oleh seseorang hamba bagaikan suatu haq hamba yang wajib ditunaikan oleh Allah. (6) Golongan Mu’tazilah dan segolongan ahli Falsafah berpendapat Allah memang berkewajipan dan bertanggungjawab untuk tidak menyeksa (di hari akhirat nanti) orang yang tidak menyekutukanNya dengan apa-apa.

¹⁷⁸ Mengabdikan diri kepadaNya adalah terjemahan yang dipilih untuk sabda Nabi s.a.w. *أَنْ يَعْبُدَهُ*. Dalam erti khususnya ia harus diterjemahkan dengan beribdat kepadaNya, menyembahNya atau mengesakanNya. Bagaimanapun di sini ia lebih sesuai diterjemahkan dengan erti umumnya iaitu mengabdikan diri kepadaNya. Kerana ibadat dalam ma’nanya yang umum ialah mengerjakan amalan keta’atan di samping menjauhi segala larangan Allah. Itulah sebabnya Ibnu Hibbaan berkata: *عبادة الله إقرار باللسان وتصديق بالقلب وعمل الجوارح*. Bermaksud: “(Erti) Beribadat kepada Allah itu ialah mengakui (kebenaran yang datang dariNya) dengan lidah, membenarkannya dengan hati dan melakukannya dengan anggota badan.” Itulah juga sebabnya di dalam riwayat Mu’aaz yang lain Nabi s.a.w. bertanya begini: *أتدري ما حقهم عليه إذا فعلوا ذلك* Bermaksud: “Tahukah engkau apa haq hamba yang dijamin Allah apabila mereka telah melakukannya?” (Muslim, Bukhari dan at-Thabaraani di dalam al-Mu’jam al-Kabirnya). Bukhari meriwayatkan dengan lafaz *إذا فعلوه*. Sama ada dhamir di dalam riwayat Bukhari ini atau isim isyarat di dalam riwayat Muslim dan at-Thabaraani, kedua-duanya meruju’ kepada sabda Baginda: *أَنْ يَعْبُدُوهُ وَلَا يُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا*. Lihat bagaimana Rasulullah s.a.w. mengaitkan jaminan Allah untuk tidak menyeksa manusia di akhirat nanti dengan perbuatan hamba, bukan dengan semata-mata mengesakanNya dalam i’tiqad?

¹⁷⁹ Sebabnya Rasulullah s.a.w. menambahkan ibarat “tanpa menyekutukanNya dengan sesuatu” setelah bersabda “mereka mengabdikan diri kepadaNya” ialah kerana memang ada orang kafir yang menyembah Allah, tetapi dalam masa yang sama mereka menyekutukanNya dengan sesuatu yang lain. Kesimpulannya beribadat atau menyembah Allah yang dikatakan akan menjamin seseorang terlepas daripada seksaan Allah di akhirat nanti itu adalah dengan syarat ia tidak menyekutukanNya dengan sesuatu yang lain.

apa-apa.”¹⁸⁰ Lantas aku bertanya: “Wahai Rasulallah! Bolehkah aku sampaikan berita gembira ini kepada orang ramai?” Jawab Baginda: “Tak usah, nanti mereka akan berpeluk tubuh saja.”¹⁸¹ (Bukhari, Muslim).¹⁸²

Orang Yang Diharamkan Neraka Kepadanya

٢٢ - وَعَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ النَّبِيَّ اللَّهَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمُعَاذٌ رَدِيفُهُ عَلَى الرَّحْلِ قَالَ يَا مُعَاذُ قَالَ لَبَّيْكَ يَا

رَسُولَ اللَّهِ وَسَعْدَيْكَ قَالَ يَا مُعَاذُ قَالَ لَبَّيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَسَعْدَيْكَ قَالَ

¹⁸⁰ Sabda Nabi s.a.w. di sini juga mungkin menimbulkan kemusykilan bahawa jaminan Allah tidak akan menyeksa hamba-hambaNya adalah semata-mata kerana mereka tidak menyengutukanNya dengan apa-apa. Apakah ia bererti walaupun mereka melakukan dosa-dosa besar yang lain selain syirik dan tidak melakukan apa-apa amalan keta'atan? Perlu sekali diingat bahawa haq hamba atas Allah itu sama sekali tidak boleh dipisahkan daripada haq Allah atas hamba. Apabila hamba melaksanakan haq Allah atasnya, pada ketika itu barulah terlaksana haq hamba atas Allah. Ertinya di samping seseorang hamba mengabdikan diri kepada Allah di dunia ini dengan menjunjung segala titah perintahNya dan menjauhi segala laranganNya, ia juga tidak menyengutukan Allah dengan suatu apa pun, di akhirat nanti ia akan terselamat daripada seksaan Allah. Jika seseorang hamba melakukan sebaliknya pula, ia tidak akan terselamat daripada seksaanNya. Sabda Nabi s.a.w. ini selain memberi jaminan kepada hamba Allah yang benar-benar mentauhidkan Allah dan menta'atinya, ia juga merupakan ancaman kepada hambaNya yang musyrik dan 'aashi (yang melakukan ma'shiat).

¹⁸¹ Rasulullah s.a.w. melarang Mu'aaz daripada menyampaikan berita gembira yang tersebut di dalam hadits ini kepada orang ramai kerana beberapa sebab berikut: (1) Seperti disebut Baginda s.a.w. sendiri, bahawa nanti ada pula orang yang terlalu bergantung dengannya sehingga mengakibatkan ia berpeluk tubuh saja. Tidak mahu lagi ia melakukan apa-apa amalan keta'atan dan kebajikan dengan alasan ia sudah terjamin terlepas daripada seksaan Allah. Sedangkan ia sebagai orang Islam tidak sepatutnya bersikap begitu. (2) Rasulullah s.a.w. takut berita gembira itu sampai kepada golongan umatnya yang cetek 'aqal. Kerana salah faham, mereka tidak akan berusaha lagi untuk meningkatkan diri demi mendapat kelebihan-kelebihan dan darjat-darjat yang tinggi di sisi Allah melalui amalan-amalan keta'atan. Mereka juga mungkin akan berani melakukan ma'shiat dengan adanya jaminan seperti itu. (3) Apa yang tersebut sebagai jaminan di dalam hadits ini ialah jaminan terselamat daripada seksaan Allah yang disediakan untuk orang-orang kafir dan musyrik sahaja. Seseorang muslim tetap terdedah kepada seksaan Allah kerana melakukan ma'shiat atau dosa tertentu yang telah disebutkan oleh Allah dan rasulNya. Menyampaikan berita gembira yang mungkin disalah fahami juga akan mendedahkan sebahagian umat kepada seksaan Allah. Kerana itulah Rasulullah s.a.w. melarang Mu'aaz daripada menyampaikannya kepada orang ramai.

¹⁸² Hadits ini turut diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud, Tirmizi, Ibnu Majah dan Ibnu Hibbaan dan lain-lain.